ISSN 2180-3684 • Bil 09/13
KKDN: PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

SEPTEMBER 2013



Urus Wang Bonus Secara Bijak

ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
FOMCA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Nurul Husna Mohd Yusof

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 1D-1, Bangunan SKPPK Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 1D-1, Bangunan SKPPK Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Urus Wang Bonus Secara Bijak

Menguruskan kewangan dengan bijak merupakan sesuatu amalan yang penting, apatah lagi apabila mendapat bonus pada hujung tahun. Bonus merupakan perkataan yang memberikan makna yang besar kepada warga kerja. Kadar bonus yang diterima adalah berbeza-beza mengikut pangkat, pengalaman bekerja, tempoh bekerja dan juga prestasi pekerja tersebut. Pastinya semua orang mempunyai kaedah pengurusan kewangan tersendiri apabila menerima bonus. Namun anda perlu mendisiplinkan diri bagi memastikan setiap perancangan dapat dilaksanakan dengan betul dan bijak sebelum terlambat.

Antara panduan yang boleh digunakan dalam merancang kewangan adalah :

Pertamanya, menyimpan dahulu. Biasanya, sebelum mendapat bonus, pastinya pelbagai perkara telah difikirkan untuk membelanjakan wang tersebut. Mungkin ada yang ingin membeli kereta baru, mengubah suai rumah, membeli-belah, pergi melancong, beli barang keperluan anak dan sebagainya. Cara yang paling berkesan dalam pengurusan kewangan adalah menyimpan sebahagian daripada wang bonus itu sebelum berbelanja. Anda dinasihatkan supaya menyimpan sekurang-kurangnya 10-15 peratus daripada bonus yang anda terima.

Keduanya ialah menyimpan untuk keperluan kecemasan anda. Anda dinasihatkan untuk menggunakan wang bonus yang baru diterima untuk mewujudkan satu dana kecemasan bagi memastikan anda mampu terus

menjalankan kehidupan seperti biasa biarpun ditimpa sebarang keadaan tidak diingini. Anda dinasihatkan untuk menyimpan sekurang-kurangnya lima peratus untuk dana kecemasan bagi menanggung kos perbelanjaan kecemasan.

Ketiga adalah membeli aset. Secara amnya, aset ialah apa sahaja yang dimiliki dan memberi nilai tambah kepada kewangan anda, sama ada dalam jangka masa panjang mahupun jangka masa pendek. Contoh aset yang boleh bertambah nilainya ialah rumah, emas, berlian dan hartanah.

Keempatnya adalah melangsaikan hutang anda. Apabila anda mempunyai wang yang berlebihan, anda seharusnya menggunakannya secara bijak dengan melangsaikan segala hutang yang sedia ada. Anda boleh melangsaikan semua hutang tersebut atau mengurangkan jumlah hutang dengan membayar melebihi daripada kadar bayaran bulanan. Dengan melangsaikan atau mengurangkan tanggungan hutang, anda dapat mempercepat tempoh pembayaran, sekali gus menjadikan anda bebas daripada beban kewangan. Langsaikan dahulu hutang yang mengenakan caj faedah tinggi seperti kad kredit dan sebagainya.

Seterusnya, sebahagian daripada wang bonus itu digunakan untuk membuat pelaburan, iaitu skim pelaburan yang sah. Pastikan anda menerima segala maklumat penting mengenai pelaburan yang anda ingin ceburi dan syarikat yang menguruskan pelaburan itu. Anda dinasihatkan supaya membuat analisis terhadap syarikat pelaburan sebelum melabur dalam skim pelaburan tersebut.

Sumber: www.konsumerkini.net.my



Laman Berita Pengguna
KonsumerKINI
TERKINI, SEMASA & TEPAT
www.konsumerkini.net.my

Portal berita ini bertujuan untuk menyalurkan pandangan-pandangan dan komen berkaitan dengan isu-isu kepenggunaan semasa untuk digunakan oleh media, pihak-pihak yang berkepentingan dan juga rakyat secara umum.

KonsumerKINI adalah peluang untuk pengguna di Malaysia untuk mendapatkan maklumat TERKINI yang perlu untuk menyokong usaha mereka menjalankan kehidupan sebagai pengguna berhemat iaitu prihatin terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat, negara, alam sekitar dan generasi masa depan.



12 Syarat Guna Perbankan Internet

Bank di Malaysia kini giat menggalakkan pelanggan menggunakan internet untuk menjalankan urusan perbankan. Internet atau perbankan dalam talian merujuk kepada urusan transaksi perbankan yang dikendalikan menerusi laman sesawang bank dengan selamat.

Perbankan internet membolehkan anda menguruskan kewangan dengan mudah, cepat dan selamat dari rumah, pejabat atau dari mana-mana lokasi atau ketika di luar masa perbankan selagi ada akses kepada internet.

Lazimnya perisian atau perkakasan istimewa tidak diperlukan. Menerusi perbankan internet, anda boleh:

- Menyemak baki akaun dan penyata akaun.
- Mengemukakan permohonan untuk akaun, kad kredit dan pinjaman baru.
- Membuat pelaburan deposit tetap.
- Memindah wang antara akaun (akaun milik sendiri atau pihak ketiga).
- Membayar bil, kad kredit, pinjaman dan premium insurans.
- Menyemak status cek.
- Memohon buku cek dan penyata akaun tetap.
- Membuat, meminta atau membatalkan arahan tetap.
- Memohon arahan menghentikan pembayaran cek.
- Memohon bank draf dan pemindahan telegraf.

Anda boleh membuat urusan perbankan internet dengan bank yang menawarkan perkhidmatan bagi akaun bank sedia ada, seperti akaun simpanan, akaun semasa, kad kredit dan pinjaman.

Ragu Tentang Keselamatan Perbankan Internet

Walaupun mudah dan menjimatkan masa, masih ramai pengguna bimbang mengenai keselamatan maklumat dan transaksi menerusi internet. Bagi mereka yang terbabit dalam perniagaan internet, termasuk bank, pelbagai usaha secara berterusan dijalankan untuk memastikan internet adalah saluran yang selamat digunakan.

Bagaimanapun, risikonya tetap wujud. Dalam hal ini, pastikan anda sentiasa membuat cetakan bagi setiap transaksi atau urusan di internet. Ini membolehkan

anda membuat penyemakan sekiranya berlaku sebarang percanggahan, terutama baki akaun dan penyata akaun yang dihantar oleh bank.

Cetakan itu juga boleh dijalankan sebagai bahan rujukan bagi anda dan pegawai bank, kalau anda mahu mengesan sebarang keraguan ke atas sesuatu transaksi.

Perbankan internet boleh menawarkan urus niaga yang selamat sekiranya anda mengamalkan langkah berikut:

- Tidak mendedahkan daftar masuk kata laluan atau nombor PIN.
- Selalu tukar kata laluan atau nombor PIN.
- Mengelak daripada menyimpan kata laluan atau nombor PIN dalam komputer.
- Pastikan anda melayari laman sesawang yang betul.
- Ketika melayari laman web, semak *Universal Resource Locators (URL*) untuk memastikan URL bermula dengan *'https'* dan pastikan imej ibu kunci tertutup terdapat pada bar status pelayan web.
- Selalulah menyemak butir-butir atau rekod transaksi dan penyata yang dihantar oleh bank.
- Jangan sesekali meninggalkan komputer kalau anda masih mengakses perbankan internet.
- Sentiasa kunci *(log)* keluar sebaik sahaja selesai melakukan transaksi dan memadamkan peti memori dan rekod transaksi selepas mengunci keluar *(log out)* daripada laman sesawang.
- Lindungi komputer anda daripada virus dan program perosak dengan memasang *"firewall"* terkini dan program penentang virus yang ada reputasi kukuh. Pastikan juga perisian antivirus dan *"firewall"* sentiasa dikemas kini agar lebih berkesan.
- Elakkan daripada memuat turun perisian atau fail daripada laman sesawang yang tidak dikenali atau memasuki pautan yang dihantar oleh orang yang tidak dikenali.
- Jangan sesekali membiarkan tetingkap pelayar lain terbuka ketika membuat transaksi perbankan dalam talian.
- Pastikan anda tidak mengaktifkan ciri-ciri 'perkongsian fail dan pencetak' dalam sistem pengendalian anda.



Fahami syarat dan peraturannya

Adalah perkara biasa kalau anda membuat kesilapan ketika menjalankan sesuatu transaksi. Kalau ini berlaku, segera hubungi perkhidmatan pelanggan bank dan memberikan butir-butir terperinci berkaitan transaksi atau masalah yang anda hadapi. Bank biasanya mempunyai rekod semua transaksi yang anda jalankan dan mereka sedia membantu mengatasi masalah itu.

Walaupun anda telah biasa mengamalkannya, namun pastikan anda membaca dan memahami syarat dan peraturan perbankan yang anda langgan, terutama berkaitan dengan transaksi tanpa kebenaran atau urus niaga palsu.

Kalau anda berasa was-was, lebih baik anda berjumpa dengan pegawai khidmat pelanggan bank terlebih dahulu. Ini membolehkan anda memahami perkhidmatan itu sepenuhnya sebelum membuat keputusan untuk menggunakan perkhidmatan internet.

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (729811-P)

Aras 8.2-8.9, Maju Junction Mall,
1001 Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.

www.akpk.org.my
Talian Bebas Tol: 1800-88-2575



Banjir - Adakah Kenderaan Anda Dilindungi?

Apabila musim hujan melanda negara ini, timbul kebimbangan dalam kalangan pemilik kenderaan tentang risiko kenderaan mereka ditenggelami air akibat banjir. Walaupun mereka telah mengambil langkah berjaga-jaga, seperti meletak kenderaan di tempat letak kereta yang tinggi, serta mengelak daripada melalui kawasan yang sering dilanda banjir semasa hujan lebat, namun risiko kenderaan boleh ditenggelami air banjir masih ada. Oleh itu, anda selalu tertanya-tanya sama ada anda boleh membuat tuntutan insurans bagi kerosakan kenderaan yang diakibatkan oleh banjir.

Secara amnya, polisi insurans/takaful kereta komprehensif memberikan pampasan bagi musibah, seperti kerosakan atau kehilangan kenderaan akibat kemalangan, kebakaran mahupun kecurian. Akan tetapi, kerosakan akibat banjir atau apa juga yang disebabkan banjir adalah dikategorikan sebagai bencana alam. Justeru, kerosakan kenderaan yang diakibatkan olehnya, disenaraikan sebagai risiko yang tidak dilindungi oleh polisi insurans kenderaan.

Antara kerosakan atau kehilangan akibat banjir yang tidak dilindungi ialah:

- kerosakan terhadap kenderaan yang ditenggelami banjir.
- kehilangan kenderaan akibat hanyut semasa banjir.
- kebakaran dan letupan kenderaan akibat dimasuki air banjir.
- kemalangan terhadap kenderaan dengan objek yang dihanyutkan air banjir seperti batang pokok.

Selain banjir, bencana alam lain yang tidak dilindungi termasuklah:

- gempa bumi dan akibat daripadanya seperti ombak besar/tsunami,
- tanah runtuh (dan akibat daripadanya seperti letupan gas atau kebakaran akibat gangguan elektrik berikutan tanah runtuh), dan
- ribut petir (dan akibat daripadanya seperti kerosakan daripada kenderaan dipanah petir semasa ribut).

Walau bagaimanapun, pemilik kenderaan boleh membeli perlindungan tambahan terhadap kerosakan atau kehilangan akibat banjir dengan membeli perlindungan tambahan semasa membeli polisi insurans kenderaan mereka. Perlindungan ini juga terpakai untuk risiko bencana alam yang lain, seperti gempa bumi, tanah runtuh dan ribut petir.

Perlindungan tambahan ini dikenakan caj premium tambahan sebanyak 0.5% daripada jumlah yang diinsuranskan. Sebagai contoh, sekiranya kenderaan diinsuranskan sebanyak RM50,000, pemilik kenderaan akan dikenakan premium tambahan sebanyak RM250. Pemilik kenderaan juga boleh mengira anggaran jumlah premium untuk perlindungan tambahan bagi banjir dengan menggunakan kalkulator premium yang terdapat di laman sesawang www.insuranceinfo.com.my.

Sumber: infoinsurans

Penjamin Tidak Terjamin

Sam dan Ling telah menjalinkan hubungan semenjak mereka belajar bersama-sama di kolej. Selepas beberapa tahun berhubungan, Ling telah meminta Sam untuk menjadi penjamin kepada pinjaman sewa beli kereta baharunya. Tanpa berfikir panjang, Sam bersetuju kerana dia sedang dilamun cinta dan mengharapkan cintanya dibalas.

Sebelum menandatangani borang penjamin, Sam tidak mendapatkan sebarang nasihat atau pandangan orang lain. Apa yang penting bagi Sam ialah cinta Ling dan dia yakin tidak lama lagi mereka akan mendirikan rumah tangga. Lagipun, Ling telah berjanji akan membayar ansurannya dengan teratur.

Selang beberapa bulan kemudian, ansuran pinjaman sewa beli Ling sudah mula tertunggak. Sam, seperti yang telah dijangkakan, sekali lagi termakan dengan pujuk rayu Ling dan menolong Ling membayar ansuran pinjaman tersebut sehinggalah pada suatu hari Sam mengetahui bahawa Ling sebenarnya telah bertunang dengan orang lain. Oleh kerana terlalu kecewa dengan perbuatan Ling, Sam membawa hati lukanya dengan berpindah ke tempat lain, malah Sam juga telah beberapa kali bertukar kerja.

Oleh kerana Ling gagal membuat bayaran pinjaman sewa belinya, pihak institusi kewangan telah menarik balik dan melelong keretanya. Baki yang perlu dijelaskan selepas lelongan adalah sebanyak RM45,000. Apabila Ling tidak mampu membayar jumlah kerugian ini, pihak institusi kewangan telah mengemukakan notis tuntutan ke atas Sam selaku penjamin. Sam juga tidak boleh membayarnya kerana jumlah yang terlibat adalah terlalu besar. Pihak institusi kewangan mula mengambil tindakan mahkamah terhadap Sam untuk menuntut semula semua baki hutang mereka. Oleh kerana terlalu bimbangkan tentang masa hadapan, Sam telah bertindak mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).



Sebagai penjamin, anda akan dipertanggungjawabkan ke atas liabiliti peminjam sekiranya peminjam mungkir dalam pembayaran balik pinjaman. Tahap liabiliti adalah seperti yang termaktub di dalam dokumen jaminan. Oleh itu, sebelum menjadi penjamin:

- Baca dan memahami sifat jaminan tersebut.
- Jangan menandatangani dokumen yang belum dibaca atau menandatangani dokumen kosong atau borang yang belum lengkap.
- Dapatkan khidmat nasihat profesional / guaman sebelum menandatangani kontrak jaminan. Ini akan memastikan anda benar-benar faham tentang sifat sebenar dokumen tersebut dan implikasi undang-undang, contohnya hak-hak dan liabiliti di bawah kontrak jaminan tersebut.

Sumber : Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)



Ketahui Hak Tandatangan Anda

Segala urusan rasmi, yang melibatkan pembelian atau langganan, memerlukan tandatangan pengguna bagi mengesahkan transaksi tersebut. Pengguna disarankan supaya lebih berhati-hati sebelum menurunkan tandatangan mereka ke atas apa jenis dokumen sekalipun. Pihak NCCC menerima banyak aduan daripada pengguna yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan. Namun begitu, kebanyakan aduan yang diterima adalah berpunca daripada kecuaian pengguna sendiri. Apabila keadaan ini berlaku, agak sukar bagi pengguna untuk menuntut hak mereka walaupun mereka berada di pihak yang benar.

Ruangan kali ini akan menceritakan tentang kejadian yang pernah berlaku kepada pengguna. Salah satu kes yang pernah diterima oleh NCCC adalah berkaitan dengan pusat kecergasan. Pengadu telah menurunkan tandatangan beliau di atas kontrak pakej yang ditawarkan dan memberitahu kepada pekerja di syarikat tersebut supaya menunggu pengesahan daripada beliau sebelum memproses dokumen tersebut. Tiada pengesahan yang diberikan oleh pengadu kepada pekerja syarikat tersebut. Namun setelah suatu jangka yang agak lama, pengadu menerima bil dan juga surat peringatan untuk menjelaskan bayaran.

Apabila aduan seperti ini diterima kepada NCCC, agak sukar bagi NCCC menjelaskan kepada syarikat yang diadu bahawa pengadu tidak pernah berniat untuk melanggan pakej tersebut. Ini kerana wujudnya tandatangan pengadu di atas kontrak membuktikan bahawa pengadu faham dan setuju dengan segala isi kontrak tersebut. Walaupun syarikat tersebut bersetuju untuk membatalkan kontrak tersebut, namun seperti yang diterangkan di dalam keluaran sebelum ini, pihak pengusaha boleh mengenakan caj 5% daripada harga kontrak bagi pembatalan kontrak perkhidmatan masa hadapan. Bayangkan kerugian yang perlu ditanggung oleh pengguna jika harga kontrak tersebut berjumlah lebih daripada RM10,000.00.

Pengguna juga dinasihatkan untuk tidak menandatangani apa jua dokumen jika subjek di dalam dokumen tersebut tidak diberikan kepada pengguna. NCCC juga menerima aduan berkenaan dengan perkhidmatan perkongsian masa, yang pengadu tidak diberikan prospektus, namun beliau telah menandatangani dokumen akuan penerimaan. Apabila timbul pertelingkahan antara pengadu dan pengusaha, pengadu tidak dapat mempertahankan pendirian bahawa beliau tidak menerima prospektus tersebut disebabkan oleh kehadiran dokumen akuan penerimaan tersebut.

Sehubungan itu, pihak NCCC menasihatkan agar pengguna lebih berhati- hati sebelum menandatangani apa jua dokumen bagi mengelakkan sebarang implikasi yang tidak diingini pada masa hadapan. Pengguna dapat mengelakkan diri mereka daripada menghadapi masalah dan risiko apabila mereka lebih berhati-hati.



Mencari Kebahagiaan Kewangan

Salam sejahtera,

Saya adalah kakitangan sokongan di sebuah badan berkanun. Saya sudah berkhidmat selama 9 tahun. Sejak mula berkhidmat, saya sering membuat pinjaman peribadi. Boleh dikatakan pada setiap tahun. Saya kerap memohon pinjaman baru di bank lain untuk menutup pinjaman lama di bank lain.

Sekarang saya tinggal di rumah PPR dengan kadar sewa RM139 sebulan, membayar kereta RM403 sebulan. Saya juga melanggan astro dan jalur lebar. Selain itu, saya turut membayar perkhidmatan pengangkutan sekolah untuk tiga orang anak saya sebanyak RM140 sebulan.

Gaji bersih saya lebih kurang RM1,300. Setelah membayar segala hutang, bil utiliti dan belanja dapur wang, lazimnya hanya tinggal baki sebanyak RM400. Pada masa ini, saya selalu bekerja lebih masa dan kadar elaun lebih masa yang saya dapat setiap bulan adalah dalam purata RM400 sebulan.

Buat masa ini boleh dikatakan saya masih boleh menyara kos sara hidup. Saya terfikir jika saya tidak lagi bekerja lebih masa atau tiada lagi pendapatan sampingan, apa yang saya perlu buat? Sekarang saya baru sahaja memohon pinjaman peribadi dan masih ada baki lebih kurang RM5000.

Saya terfikir hendak membuat perniagaan dalam talian, tetapi saya tidak berani mengambil risiko sebab saya pernah mengalami kerugian beribu-ribu ringgit sebelum ini. Apakah cadangan atau nasihat untuk saya?

Terima kasih.

Jawapannya:

Kedudukan kewangan anda masih terkawal kerana aliran tunai anda masih positif dan sedikit sebanyak dibantu oleh pendapatan sampingan daripada kerja lebih masa. Walau bagaimanapun, anda masih boleh memperkukuh lagi kedudukan aliran tunai anda dengan mengawal serta mengurangkan perbelanjaan yang kurang penting. Anda perlu menyenaraikan semua perbelanjaan bulanan secara terperinci dan mulai menilai semula perbelanjaan tersebut serta membuat keputusan untuk mengubahnya.

Anda juga perlu mengawal pinjaman di bank sebab faedah untuk pinjaman peribadi agak tinggi. Anda mungkin menggunakan sebahagian besar daripada gaji anda untuk membuat pembayaran balik pinjaman.

Amalan berjimat cermat ketika membeli dan menyediakan bajet merupakan strategi paling mudah untuk melegakan kedudukan aliran tunai yang ketat. Anda juga perlu sedar dan bertanya kepada diri sendiri, adakah anda mengamalkan gaya hidup di luar kemampuan anda? Ramai orang mengatakan pendapatan mereka tidak pernah mencukupi, walaupun sebenarnya pendapatan mereka adalah tinggi. Ini berpunca daripada amalan gaya hidup ala 'mewah' yang mungkin mereka sendiri tidak menyedarinya.

Anda perlu menilai semula bajet anda berdasarkan keperluan dan kehendak. Dalam situasi ini, anda mungkin perlu menangguhkan perbelanjaan kehendak. Setiap kali ingin membeli sesuatu, anda perlu memikirkan terlebih dahulu sama ada kehendak tersebut ada di dalam bajet anda.

Anda juga boleh memperbaik kedudukan aliran tunai dengan mencari cara meningkatkan pendapatan sampingan anda, contohnya seperti yang telah anda sebutkan sendiri. Teruslah berikhtiar dengan cara yang lain.

Untuk maklumat lanjut mengenai pengurusan kewangan, sila dapatkan khidmat nasihat di Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang berhampiran dengan tempat anda. Layari www.akpk.org.my

Masalah Kewangan Anda

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada **ringgit@crrc.org.my**
atau menulis kepada

Ruangan Masalah Kewangan Anda,
Ringgit,
No 1D-1 Bangunan SKPPK, Jalan SS 9A/17,
47300 Petaling Jaya, Selangor

Tiada apa yang Percuma



FOMCA - 1st Malaysia Consumer App

FOMCA

40

Make a statement by knowing your rights as a consumer

Download Now



Features

- Complaints
- News
- Campaigns
- Publications
- About FOMCA

Consumers can now lodge a complaint at the tip of their finger. They can snap a picture and immediately send to FOMCA using the App.

The App is currently available for all Android phones as well as the Iphones.

Google play

App Store

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

BERWASPADA DENGAN PANGGILAN DAN MESEJ PALSU

JANGAN PEDULIKAN
mereka kerana itu satu penipuan.

JANGAN SEKALI-KALI
melayan permintaan tersebut.

JANGAN
menjadi mangsa.

Sekiranya anda ragu-ragu, sila hubungi kami

MENDAKWA panggilan dan mesej palsu itu daripada sebuah bank, penyedia utiliti atau agensi penguatkuasaan

MEMINTA anda mendedahkan nombor pin atau kata laluan peribadi anda

MEMINDAHKAN dana dengan menggunakan pelbagai helah



BNMTELELINK (Pusat Perhubungan Pelanggan)
1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Untuk menghantar SMS pertanyaan atau aduan anda, taip: **BNM TANYA [aduan/soalan anda]** dan hantar ke **15888**

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Peringatan kepada Semua Pengguna di laman sesawang Bank Negara Malaysia
www.bnm.gov.my

BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)
Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480) atau berkunjung BNMLINK Bank Negara Malaysia di: Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching **Waktu urusan:** Isnin - Jumaat, 9.00 pagi - 5.00 petang (kecuali cuti umum)

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : **1-300-88-5465**
E-mel : **bnmtelelink@bnm.gov.my**
Laman sesawang : **www.bnm.gov.my**

Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : **1-300-88-9980**
E-mel : **banks@abm.org.my**
Laman sesawang : **www.abm.org.my**

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : **1-800-88-2575**
E-mel : **enquiry@akpk.org.my**
Laman sesawang : **www.akpk.org.my**

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : **03-2272 2811**
E-mel : **enquiry@fmb.org.my**
Laman sesawang : **www.fmb.org.my**

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crrc.org.my